

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 4/2025

Malaysia Merekodkan Pertumbuhan Merentas Sektor Utama, Perdagangan dan Tenaga Buruh

PUTRAJAYA, 30 APRIL 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 4/2025**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik baharu yang dikeluarkan pada Februari 2025 dan beberapa statistik akan datang untuk Mac 2025. Selain itu, edisi ini memuatkan artikel tambahan bertajuk “Prestasi Sektor Pembinaan Malaysia: Analisis Pencapaian Tertinggi Mengikut Negeri”, yang membincangkan pertumbuhan sektor pembinaan di Malaysia dari tahun 2010 hingga 2022 dengan memberi tumpuan kepada lima negeri utama iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang yang menjadi penyumbang utama hasil daripada projek infrastruktur dan pelaburan strategik. Ia menekankan bagaimana faktor khusus di setiap negeri seperti peluasan bandar di Lembah Klang dan pembangunan besar seperti Iskandar Malaysia membentuk corak pertumbuhan yang berbeza. Ke hadapan, pelaburan berterusan, inovasi, serta kerjasama kukuh antara sektor awam dan swasta amat penting bagi memastikan pembangunan sektor ini terus inklusif dan mampan.

Menganalisis landskap ekonomi global, *OECD Economic Outlook* terkini (Mac 2025) melaporkan bahawa ekonomi global berkembang kukuh 3.2 peratus pada 2024, didorong oleh prestasi memberangsangkan dari U.S. dan pasaran sedang pesat membangun utama seperti China. Bagaimanapun, momentum itu dijangka sedikit perlahan, dengan pertumbuhan diunjurkan menurun kepada 3.1 peratus pada 2025 dan 3.0 peratus pada 2026, berikutan peningkatan halangan perdagangan, ketidaktentuan dasar dan ketegangan geopolitik yang berlarutan, seterusnya menjelaskan pelaburan serta sentimen pengguna.

Memacu daya tahan dalam landskap pembangunan yang pesat, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Anggaran awalan Keluaran

Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia menunjukkan pertumbuhan stabil 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025, meskipun ia memberi isyarat prestasi lebih sederhana berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut terus disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan, manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian kekal berada pada trajektori penurunan. Namun begitu, pada asas suku tahunan, ekonomi menguncup 3.7 peratus, berbanding kenaikan 2.7 peratus pada suku tahun keempat 2024”.

Meneruskan trajektori peningkatannya, pengeluaran perindustrian Malaysia mengalami pertumbuhan sederhana pada Februari 2025. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 1.5 peratus, sebahagian besarnya didorong oleh pengembangan signifikan 4.8 peratus dalam sektor Pembuatan. Prestasi positif ini mengimbangi penurunan dalam sektor lain iaitu Perlombongan dan Elektrik yang masing-masing mencatat penyusutan 8.9 peratus dan 2.8 peratus. Perbezaan prestasi antara sektor mencerminkan kepelbagaian dalam pengeluaran perindustrian di negara ini. Perbandingan bulan ke bulan, IPP mengalami penurunan 6.8 peratus pada Februari, kejatuhan mendadak berbanding penyusutan marginal 0.4 peratus yang dicatatkan pada Januari 2025.

Melihat pada perspektif yang lebih luas, sektor Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencapai RM148.3 bilion jualan pada Februari 2025, menunjukkan pertumbuhan 5.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sebahagian besarnya diterajui oleh prestasi kukuh dalam Perdagangan runcit yang meningkat 5.9 peratus dan Perdagangan borong 5.3 peratus. Seiring dengan itu, Indeks Volum juga mengalami kenaikan tahun ke tahun 3.9 peratus, dengan Perdagangan borong meningkat 4.9 peratus dan Perdagangan runcit 4.3 peratus. Bagaimanapun, berbanding Januari 2025, sektor ini mencatat sedikit penurunan 0.4 peratus dalam jualan keseluruhan, berikutan daripada kejatuhan dalam kedua-dua Perdagangan borong (-1.9%) dan Perdagangan runcit (-1.5%). Ini memperlihatkan kelembapan dalam aktiviti pengguna dari bulan ke bulan, meskipun prestasi tahun ke tahun kekal positif.

Dalam situasi ekonomi yang stabil, kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.5 peratus pada Februari 2025, berbanding 1.7 peratus pada Januari. Penyederhanaan ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori utama seperti Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, yang merekodkan pertumbuhan 2.3 peratus, serta Rekreasi, Sukan & Kebudayaan meningkat 1.5 peratus. Sebaliknya, kumpulan Penjagaan Diri, Pendidikan dan Insurans mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi. Sementara itu, Perkhidmatan Restoran & Penginapan, Makanan & Minuman, dan Minuman Beralkohol & Tembakau kekal stabil, mengekalkan kadar inflasi yang sama seperti bulan sebelumnya. Selain itu, penurunan harga dalam kumpulan Maklumat & Komunikasi (-5.3%) serta Pakaian & Kasut (-0.2%) memainkan

peranan penting dalam penyederhanaan kadar inflasi keseluruhan. Dari segi bulanan, inflasi meningkat marginal 0.1 peratus, selaras dengan peningkatan yang direkodkan pada Januari 2025. Ini mencerminkan persekitaran inflasi yang agak stabil walaupun terdapat momentum yang pelbagai merentas sektor. Pada Mac 2025, inflasi Malaysia meningkat pada kadar yang lebih perlahan 1.4 peratus dengan mata indeks mencatatkan 134.1 berbanding 132.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Sektor perdagangan Malaysia terus memperlihatkan pertumbuhan yang stabil pada awal 2025, didorong oleh prestasi kukuh kedua-dua eksport dan import. Pada Februari 2025, jumlah perdagangan Malaysia meningkat 5.9 peratus tahun ke tahun, mencecah RM223.9 bilion. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan 6.2 peratus dalam eksport, yang berjumlah RM118.3 bilion, di samping peningkatan 5.5 peratus dalam import, berjumlah RM105.6 bilion. Justeru, lebihan dagangan mencatatkan pertumbuhan ketara, meningkat 12.2 peratus untuk mencapai RM12.6 bilion. Walau bagaimanapun, berbanding Januari 2025, jumlah perdagangan mengalami penurunan 7.5 peratus, dengan eksport jatuh sebanyak 3.7 peratus dan import merosot 11.3 peratus. Penurunan bulan ke bulan ini menggambarkan kelembapan sementara dalam aktiviti perdagangan, yang mungkin dipengaruhi oleh variasi bermusim atau faktor jangka pendek yang lain.

Mengenai prestasi pasaran buruh Malaysia, beliau menekankan bahawa, "Pasaran buruh negara terus menunjukkan kekuatan, dengan penduduk bekerja meningkat 2.9 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 16.73 juta pada Februari 2025. Pertumbuhan ini telah mempengaruhi kenaikan dalam nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang meningkat kepada 68.5 peratus, berbanding 68.2 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas. Tenaga buruh juga menokok 2.6 peratus, mencecah 17.27 juta, disokong oleh sedikit peningkatan dalam kadar penyertaan tenaga buruh yang meningkat kepada 70.7 peratus. Selain itu, bilangan penganggur menurun 4.3 peratus, berkurang kepada 532.8 ribu yang menyumbang kepada kadar pengangguran 3.1 peratus. Momentum positif ini mencerminkan peningkatan yang mampan dalam pasaran buruh Malaysia."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa Indeks Pelopor (IP) memberi isyarat positif dalam pertumbuhan ekonomi dalam tempoh terdekat. IP menyusut tahun ke tahun kepada 112.4 mata, manakala bulan ke bulan menunjukkan sedikit penurunan 0.2 peratus. Selain itu, IP terlicin kekal di bawah paras 100.0 mata, menandakan bahawa walaupun terdapat prospek pertumbuhan yang sederhana, ekonomi berdepan cabaran dalam keadaan ketidaktentuan global yang berterusan. Ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan yang perlahan tetapi stabil, dengan faktor luaran yang tidak menentu.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan pada jam 1200, Rabu, 30 April 2025

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 APRIL 2025**

Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Bulanan

Indeks Pelopor

112.4


FEBRUARI 2025



Kadar Pengangguran

3.1%


FEBRUARI 2025



Pengeluaran Buah Tandan Segar

1.9%

MAC 2025



Pengeluaran Getah Asli

21.3%


FEBRUARI 2025



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

1.5%


FEBRUARI 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan


4.7%

FEBRUARI 2025




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

5.1%
FEBRUARI 2025




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.9%
FEBRUARI 2025




Eksport

6.8%
MAC 2025




Import

-2.8%
MAC 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.4%
MAC 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-1.9%
MAC 2025



MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 4/2025

Malaysia Posts Growth Across Key Sectors, Trade and Labour

PUTRAJAYA, 30TH APRIL 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 4/2025**. This edition focuses on the recent statistics released in February 2025 and some forthcoming statistics for March 2025. Furthermore, this edition features an additional article titled “Malaysia’s Construction Sector Performance: A State-Level Analysis of Top Performers”, examines the regional growth of Malaysia’s construction sector from 2010 to 2022, highlighting five key states: Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, and Penang as major contributors, driven by infrastructure projects and strategic investments. It emphasises how region-specific factors, such as urban expansion in Klang Valley and major developments like Iskandar Malaysia, have shaped varied growth patterns across states. Looking ahead, continued investment, innovation, and strong collaboration between public and private sectors are crucial for ensuring inclusive and sustainable development in the industry.

Analysing the global economic landscape, the latest OECD Economic Outlook (March 2025) reported that the global economy expanded by a solid 3.2 per cent in 2024, fuelled by strong performances from the U.S. and major emerging markets like China. However, the momentum is expected to ease slightly, with growth projected to slow to 3.1 per cent in 2025 and 3.0 per cent in 2026, as rising trade barriers, policy uncertainties, and ongoing geopolitical tensions continue to dampen investment and consumer sentiment.

Driving resilience in an evolving landscape, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “Malaysia’s advance Gross Domestic Product (GDP) estimates point to a steady growth of 4.4 per cent in the first quarter of 2025, although

this marks a moderation from the 5.0 per cent recorded in the previous quarter. The growth continued to be underpinned by the Services, Manufacturing and Construction sectors, while the Mining and quarrying sector remained on a declining trajectory. However, on a quarter-on-quarter basis, the economy contracted by 3.7 per cent, against a 2.7 per cent expansion in the fourth quarter of 2024".

Continuing its upward trajectory, Malaysia's industrial production demonstrated moderate growth in February 2025. The Industrial Production Index (IPI) rose by 1.5 per cent, largely driven by a notable 4.8 per cent expansion in the Manufacturing sector. This positive performance overshadowed the declines in other sectors namely the Mining and Electricity industries which saw reductions of 8.9 per cent and 2.8 per cent, respectively. These contrasting sector performances highlight the mixed nature of industrial production in the country. When comparing month-on-month figures, the IPI experienced a drop of 6.8 per cent in February, a sharp decline compared to a marginal decrease of 0.4 per cent recorded in January 2025.

Looking at a broader perspective, Malaysia's Wholesale & Retail Trade sector achieved RM148.3 billion of sales in February 2025, reflecting a growth of 5.1 per cent compared to the same month in the previous year. This increase was largely driven by strong performances in Retail trade which grew by 5.9 per cent and Wholesale trade at 5.3 per cent. In a similar trend, the volume index also experienced a year-on-year rise of 3.9 per cent, with Wholesale trade rose 4.9 per cent and Retail trade grew 4.3 per cent. However, when compared to January 2025, the sector saw a slight decline of 0.4 per cent in overall sales, primarily due to decreases in both Wholesale trade (-1.9%) and Retail trade (-1.5%). This indicates a slowdown in consumer activity month-on-month, despite the positive year-on-year performance.

In a climate of stable economic conditions, Malaysia's inflation rate eased to 1.5 per cent in February 2025, down from 1.7 per cent in January. This moderation was primarily driven by slower price increases in key categories such as Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, which saw a growth of 2.3 per cent, and Recreation, Sport & Culture which increased by 1.5 per cent. On the other hand, Personal Care, Education, and Insurance sectors experienced higher inflation rates. Meanwhile, Restaurant & Accommodation Services, Food & Beverages, and Alcoholic Beverages & Tobacco remained steady, maintaining the same inflation rates as the previous month. Additionally, declines in Information & Communication (-5.3%) and Clothing & Footwear (-0.2%) played a significant role in moderating overall inflation. On a month-on-month basis, inflation rose slightly by 0.1 per cent, consistent with the

increase observed in January 2025. This indicates a relatively stable inflationary environment despite varying trends across different sectors. In March 2025, Malaysia's inflation increased at a slower rate of 1.4 per cent with the index points stood at 134.1 as against 132.2 in the same month of the previous year.

Malaysia's trade sector continued to demonstrate steady growth in early 2025, driven by strong performances in both exports and imports. In February 2025, Malaysia's total trade increased by 5.9 per cent year-on-year, reaching RM223.9 billion. This growth was largely fuelled by a 6.2 per cent rise in exports, which amounted to RM118.3 billion, alongside a 5.5 per cent increase in imports, totalling RM105.6 billion. As a result, the trade surplus saw a significant boost, rising by 12.2 per cent to reach RM12.6 billion. However, when compared to January 2025, total trade experienced a decline of 7.5 per cent, with exports falling by 3.7 per cent and imports dropping by 11.3 per cent. This month-on-month decrease reflects a temporary slowdown in trade activity, likely influenced by seasonal variations or other short-term factors.

Concerning Malaysia's labour market trends, he highlighted that, "The country's labour market continued to show strength, with the number of employed persons rising by 2.9 per cent year-on-year to reach 16.73 million in February 2025. This growth led to an increase in the employment-to-population ratio, which climbed to 68.5 per cent, up from 68.2 per cent in the same period last year. The labour force also expanded by 2.6 per cent, reaching a total of 17.27 million, supported by a slight increase in the labour force participation rate which rose to 70.7 per cent. Additionally, the number of unemployed persons decreased by 4.3 per cent, falling to 532.8 thousand, which contributed to an unemployment rate of 3.1 per cent. These positive trends reflect sustainable improvements in Malaysia's labour market."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin emphasised that Malaysia's Leading Index (LI) signals a moderation in economic growth in the near term. The LI decreased marginally year-on-year to 112.4 points, while month-on-month showed a slight decrease of 0.2 per cent. Furthermore, the smoothed LI remained below the 100.0 point mark, indicating that while there are modest growth prospects, the economy faces challenges amid ongoing global uncertainties. These trends suggest that the Malaysian economy is experiencing slow but steady growth, with external factors contributing to a cautious outlook.

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 30th April 2025

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30th APRIL 2025**

Exhibit 1: Monthly Economic Indicator


Leading Index

FEB 2025




Unemployment Rate

3.1%
FEB 2025




Production of Fresh Fruit Bunches

1.9%
MARCH 2025



Production of Natural Rubber

21.3%
FEB 2025




Industrial Production Index (IPI)

1.5%
FEB 2025




Sales Value of Manufacturing Sector

4.7%
FEB 2025




Sales Value of Wholesale & Retail Trade

5.1%
FEB 2025




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

%
FEB 2025



Exports

6.8%
MARCH 2025



Imports

-2.8%
MARCH 2025



Consumer Price Index (CPI)

1.4%
MARCH 2025



Producer Price Index (PPI) Local Production

-1.9%
MARCH 2025

